



The Observer

05.11.2021

Surat berita mingguan, The Observer kini tersedia dalam Bahasa Melayu. Versi terjemahan akan dimuat naik pada setiap hari Isnin. Sila layari www.mswg.org.my untuk maklumat lanjut.

Ikuti juga akaun Twitter MSWG di @MSWGMalaysia dan kongsi pendapat anda tentang ciapan kami dari semasa ke semasa.

❖ Pengaruh Bajet 2022 terhadap kepelbagaian pihak berkepentingan Bursa Malaysia

Penyediaan bajet boleh diibaratkan seperti permainan catur. Suatu permainan yang memerlukan perancangan teliti, pemikiran strategik serta mempertimbangkan risiko dalam usaha mengagihkan sumber kewangan yang terhad tanpa mampu memuaskan hati dan menggembirakan setiap lapisan masyarakat.

Begitulah intipati bajet mengembang untuk 2022 yang menyediakan sejumlah RM332.1 bilion, nilai peruntukan tertinggi di negara setakat ini, yang menawarkan pendekatan fiskal dinamik pro-pemulihan. Namun, Maybank IB Research menegaskan bahawa Bajet ini juga memberikan impak negatif dan berat sebelah terhadap pasaran ekuiti, yang meluaskan jurang pendapatan 2022 akibat daripada Cukai Makmur yang diberikan sekali sahaja.

“Apabila membuat unjuran pertumbuhan pendapatan yang mencerminkan cukai durian runtuh serta sentimen berhati-hati terhadap potensi pertambahan levi berlatarkan kedudukan fiskal yang lemah, kami mengurangkan sasaran FBM KLCI pada akhir 2021 daripada 1,720 kepada 1,530,” menurut firma penyelidikan tersebut dalam ulasan Bajet 2022 mereka yang bertarikh 31 Oktober 2021.

Cukai korporat tambahan sekali sahaja sebanyak 33% ini dikenakan ke atas syarikat yang melaporkan pendapatan bercukai melebihi RM100 juta (24% untuk RM100 juta pertama).

RHB Research menganggarkan impak kes terburuk sehingga 12% ke atas pendapatan korporat walaupun ini perlu diimbangi oleh limpahan positif kepada ekonomi yang lebih luas daripada cadangan bajet mengembang.

“Cukai durian runtuh seumpama ini belum pernah berlaku sebelum ini dalam skop dan skala dan perlu dikategorikan oleh pelabur sebagai risiko dasar serta dilihat negatif dari perspektif menarik pelaburan langsung asing baharu serta daya saing serantau, mencerminkan lebar jalur hasil negara yang sempit dan ruang fiskal yang terhad,” ketua penyelidikan RHB Research, Alexander Chia membuat kesimpulan.

Pengarah kanan ekuiti Affin Hwang Asset Management, Gan Eng Peng berpendapat, usaha Kerajaan untuk melaksanakan unjuran cukai durian runtuh sehingga RM4.9 bilion ini ibarat berjimat tidak bertempat.

"Kami percaya penyusutan kekayaan melalui pasaran modal mungkin lebih besar daripada pendapatan yang bakal diperolehi. Kenaikan 37% dalam kadar cukai ini secara berkesan menghapuskan sebahagian besar pertumbuhan pendapatan antara 5% hingga 10% yang sudah cukup rendah pada tahun 2022," hujah beliau lagi.

"Harga pasaran bergantung kepada pertumbuhan di masa hadapan. Pertumbuhan yang rendah menjurus kepada potensi nyahkadar serta mengakibatkan penjualan secara mendadak untuk mengambil kira kesan ini. Kami menjangka pertumbuhan pasaran yang lebih meluas mungkin terkesan 1% hingga 3% dalam tempoh terdekat, berpotensi menyebabkan kerugian nilai antara RM20 hingga RM50 bilion."

Seperti Maybank IB Research, Kenanga Research juga membuat pelarasan dengan mengurangkan sasaran FBM KLCInya untuk tahun 2021, selepas mempertimbangkan kesan negatif daripada pelaksanaan Cukai Makmur.

"Memandangkan pendapatan bercukai melebihi RM100 juta akan dikenakan kadar cukai tambahan sebanyak 9% (daripada kadar cukai berkanun semasa 24%), kami menganggarkan pendapatan sesaham FBM KLCI boleh dikurangkan sebanyak 9% daripada RM1.08 kepada 98.1 sen," ujar ketua penyelidikan Kenanga Research, Koh Huat Soon, memberikan justifikasi.

"Kami membuat unjuran berdasarkan hanya 30 saham komponen KLCI yang mana langkah ini bakal menambah pendapatan cukai Kerajaan sebanyak RM5.8 bilion. Oleh yang demikian, sasaran awal kami untuk KLCI sebanyak 1,611 telah dikurangkan kepada 1,601 atau kurang 1% disebabkan kesannya berlaku sekali sahaja."

Kenaikan duti setem

Selain cukai makmur, Bajet 2022 juga telah mencadangkan untuk menaikkan kadar duti setem ke atas nota kontrak daripada kadar semasa 0.1% kepada 0.15% dengan pemansuhan had siling dan cukai perkhidmatan.

Mengulas mengenai perkara itu, CGS-CIMB Research turut terkejut dan kesal dengan langkah kenaikan kadar duti setem nota kontrak bagi dagangan saham di Bursa Malaysia daripada 0.1% kepada 0.15% (bersamaan RM1.50 bagi setiap RM1,000) serta keputusan untuk memansuhkan had duti setem sebanyak RM200 (yang diperkenalkan pada 2003) bagi setiap nota kontrak berkaitan, berkuat kuasa 1 Januari 2022.

Menurut CGS-CIMB, perkembangan ini sebahagiannya diimbangi oleh pengecualian cukai perkhidmatan 6% ke atas perkhidmatan pembrokeran yang berkaitan dengan dagangan saham.

"Kami tidak bersetuju dengan perkembangan ini kerana ia akan meningkatkan kos urus niaga dagangan saham. Kami menganggarkan tindakan ini boleh meningkatkan jumlah kos urus niaga daripada 0.18% kepada 0.32% daripada nilai dagangan sebanyak RM5 juta dengan mengandaikan kadar pembrokeran sebanyak 0.15%," berdasarkan unjuran yang dibuat oleh firma penyelidikan itu.

“Ini adalah kerana kenaikan kos duti setem daripada nilai maksimum RM200 kepada RM7,500 lebih tinggi daripada penjimatan cukai perkhidmatan yang berjumlah RM400. Kos urus niaga yang lebih tinggi boleh mendorong peniaga pasaran saham volum tinggi untuk menerokai bursa saham lain dengan kos urus niaga yang lebih rendah dan ini mengakibatkan kelembapan aktiviti perdagangan dalam pasaran tempatan. Broker saham di Malaysia dan Bursa pasti tidak bersetuju dengan perkembangan ini.”

Ambang levi durian runtuh untuk kelapa sawit

Dalam perkembangan lain Bajet 2022, Kerajaan bersetuju dengan cadangan menaikkan nilai ambang kenaan levi keuntungan luar biasa kelapa sawit daripada RM2,500/tan kepada RM3,000/tan bagi Semenanjung Malaysia dan daripada RM3,000/tan kepada RM3,500/tan bagi Sabah dan Sarawak.

Kadar levi sebelum ini bagi Semenanjung Malaysia dan Sabah dan Sarawak, masing-masing pada kadar 3.0% dan 1.5%, kini diselaraskan kepada 3.0% untuk kedua-duanya. Pada asasnya, pelarasan ini memberi manfaat kepada peladang di Semenanjung Malaysia, namun impaknya negatif kepada peladang di Sabah dan Sarawak, berdasarkan harga minyak sawit mentah semasa.

Agenda alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG)

Melihat dari sudut positif, Bajet 2022 wajar dipuji kerana menggabungkan tema kelestarian dan keterangkuman yang sejajar dengan momentum global berkaitan alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) serta 17 Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) yang diperkenalkan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu.

Dengan dorongan pematuhan ESG di peringkat global, Bajet 2022 telah memperkukuh keperluan kepada syarikat Malaysia dan rantaian bekalan tempatan untuk menggunakan pakai rangka kerja ESG, bertujuan mencipta nilai yang lebih tinggi.

Ini juga selaras dengan pelabur antarabangsa yang semakin menuntut strategi ESG yang lebih mantap serta berpotensi menarik pelaburan yang bernilai lebih tinggi.

Tidak dapat tidak, pelabur dan pihak berkepentingan sedang meneliti pelbagai aspek berkaitan kelestarian rantaian bekalan perniagaan, daripada pelepasan karbon kepada kepelbagaian dan keterangkuman, yang melibatkan jantina, bangsa, umur atau kelainan upaya.

Walaupun perniagaan yang lebih besar menerajui dalam amalan ESG, perniagaan yang lebih kecil mula menukar haluan apabila mereka berusaha untuk memenuhi permintaan pelanggan yang semakin meningkat dalam aspek tersebut.

“Kelestarian kini bukan lagi sekadar isu topikal untuk pelabur aktivis dan pertubuhan bukan kerajaan,” ulas ketua Institut Akauntan Bertauliah di England dan Wales (ICAEW) Malaysia, Loh Wei Yuen.

“Ia menjadi tumpuan penggubal dasar, pengawal selia dan perniagaan yang menyepadukan langkah-langkah ini ke dalam strategi teras mereka. Sekarang tiba

masanya untuk mengambil keputusan mengorak langkah ke arah penetapan standard global untuk manfaat semua."

Walaupun lebih banyak syarikat Malaysia telah mula menerima pakai konsep kelestarian, tidak dapat dinafikan lebih banyak usaha perlu dilakukan untuk mengintegrasikan amalan ESG ke dalam proses membuat keputusan. Ini bagi memastikan organisasi dapat berkembang maju dari aspek prestasi kewangan dan pada masa yang sama, turut mencipta nilai kepada masyarakat, alam sekitar dan ekonomi Malaysia.

Sekurang-kurangnya seorang pengarah wanita dalam syarikat awam tersenarai – langkah jitu yang dialu-alukan

Dalam perkembangan yang sama, Bajet 2022 turut menggalakkan kepelbagaian jantina melalui kaedah pemeraksanaan dan penyertaan kaum hawa dalam ekonomi. Sudah tiba masanya untuk memperkukuh komposisi pengarah wanita dalam syarikat awam tersenarai dengan memastikan pelantikan sekurang-kurangnya seorang pengarah wanita dalam semua syarikat awam tersenarai.

Pelantikan mandatori perwakilan wanita dalam lembaga pengarah sesebuah syarikat awam tersenarai bukan sahaja meningkatkan amalan tadbir urus korporat malah menandakan peralihan ke arah budaya korporat Malaysia yang lebih inklusif dan pelbagai.

Ini juga selaras dengan amalan mempunyai lembaga pengarah yang terdiri daripada 30% pengarah wanita di bawah Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia (MCCG). Memandangkan MCCG adalah Kod yang menerima pakai pendekatan 'guna pakai atau jelaskan alternatif', tiada keperluan mandatori untuk melantik pengarah wanita dalam lembaga pengarah sesebuah syarikat awam tersenarai.

Pada masa ini, 252 syarikat awam tersenarai Malaysia tidak mempunyai pengarah wanita dalam komposisi lembaga pengarah mereka. Empat daripada syarikat awam tersenarai ini berada dalam kategori 100 teratas.

Apabila pujukan dan pengaruh melalui amalan yang dianjurkan dalam Kod berasaskan prinsip tidak membuahkan hasil yang diinginkan, kita memerlukan syarat mandatori.

Lagipun, kira-kira separuh penduduk Malaysia terdiri daripada wanita. Sudah pasti, melantik sekurang-kurangnya seorang wanita dalam lembaga bukanlah suatu tugas yang sukar dilaksanakan.

Adalah lebih baik jika sekurang-kurangnya seorang pengarah wanita memegang jawatan sebagai pengarah bukan eksekutif bebas supaya mereka boleh membawa perspektif wanita bebas ke dalam perbincangan lembaga pengarah.

MSWG yakin terdapat ramai wanita berkualiti di luar sana untuk memenuhi permintaan terhadap pengarah wanita bebas. Di mana ada kemahuan, di situ ada jalan. Namun sebagai prasyarat, 'kemahuan' itu perlu diwujudkan.

Kesimpulan

Bajet ini mengambil pendekatan utilitarian iaitu bersifat membawa manfaat yang paling besar kepada seberapa ramai orang yang mungkin. Namun, segelintir golongan mungkin berasa dipinggirkan. Tidak kurang juga yang mempunyai pendekatan alternatif tentang cara penggubalan Bajet. Mungkin dalam hal ini, matlamat yang akhirnya mewajarkan cara.

Devanesan Evanson
Ketua Pegawai Eksekutif

Tinjauan Mingguan AGM/EGM MSWG untuk tempoh 8 hingga 12 November 2021

Berikut adalah AGM/EGM syarikat-syarikat di bawah senarai pemantauan Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti (MSWG) pada minggu ini.

Ringkasan perkara penting disenaraikan di bawah, manakala butiran terperinci soalan yang diajukan kepada syarikat boleh didapati di laman web MSWG di www.mswg.org.my

Tarikh dan Masa	Syarikat	Tinjauan ringkas
11.11.21 (Khamis) 09.30 pagi	AirAsia Group Bhd (EGM)	AirAsia ingin mendapatkan kelulusan pemegang saham untuk cadangan terbitan hak boleh lepas sehingga RM1.024 bilion dalam nilai nominal bagi sekuriti hutang Islam boleh tebus boleh tukar dan tidak bercagar (RCUIDS) untuk tempoh tujuh tahun dengan nilai nominal RM0.75 setiap satu berdasarkan prinsip Syariah Murabahah (melalui perkiraan Tawarruq) berdasarkan dua RCUIDS dengan satu waran boleh dipisahkan secara percuma bagi setiap enam saham biasa yang dipegang dalam AAGB. Untuk memenuhi tahap langganan minimum, AirAsia telah mendapatkan aku janji kelayakan daripada pemegang saham yang berusaha dan akan membuat pengaturan untuk penajajaminan minimum.
12.11.21 (Jumaat) 09.00 pagi	Key Asic Bhd (AGM)	Key ASIC mencatatkan kerugian bersih berjumlah RM7.95 juta pada tahun kewangan 2021 disebabkan peningkatan dalam perbelanjaan. Pandemik COVID-19 menyebabkan kelembapan

		<p>ekonomi tetapi pada masa yang sama, telah mempercepatkan penerapan Internet Benda dalam bidang Perubatan (IoMT).</p> <p>Key ASIC menyaksikan hospital dan pengilang peralatan secara aktif mencari teknologi IoMT untuk merevolusikan produk dan infrastruktur mereka di hospital bagi meningkatkan pengurusan pesakit dari jarak jauh serta melindungi ahli perubatan profesional di barisan hadapan. Prospek perniagaan Kumpulan kelihatan positif disebabkan oleh permintaan yang kukuh untuk produk berkaitan penjagaan kesihatan.</p>
12.11.21 (Jumaat) 11.00 pagi	Ucrest Bhd (AGM)	<p>Pendapatan Kumpulan meningkat sekali ganda kepada RM25.5 juta (2020: RM12.3 juta) serta mencatatkan keuntungan bersih berjumlah RM11.6 juta untuk tahun kewangan berakhir 2021 berbanding kerugian RM20.7 juta pada tahun sebelumnya. Ini disebabkan oleh iMedic™ yang menyumbang sebahagian besar pendapatan dan keuntungan Kumpulan, manakala selebihnya diperoleh daripada perkhidmatan penyesuaian platform. iMedic™ Kumpulan terus mencuri perhatian dan diguna pakai oleh para doktor.</p>

Perkara penting untuk diketengahkan:

Syarikat	Perkara/ Isu untuk diketengahkan
ACME Holdings Bhd (EGM)	<p>Anak syarikat Kumpulan, Supportive Technology Sdn Bhd ("STSB") mempunyai penghutang dagangan yang belum diterima berjumlah RM1,323,727. STSB berjaya mengutip RM212,914 daripada jumlah tertunggak ini. (Halaman 6, Pekeliling)</p> <p>a) Siapakah penghutang dagangan yang masih belum menjelaskan hutang yang tertunggak?</p>

	<p>b) Mengapakah STSB masih belum dapat mengutip baki hutang dagangan yang tertunggak?</p> <p>c) Apakah langkah-langkah yang diambil untuk mengutip hutang dagangan yang tertunggak?</p> <p>d) Apakah kebarangkalian STSB berjaya mengutip semula hutang dagangan yang masih tertunggak? Berapakah jumlah yang dijangka akan berjaya dikutip?</p>
Key Asic Bhd (AGM)	<p>Peruntukan kerugian rosot nilai ke atas penghutang dagangan Kumpulan berjumlah RM18.96 juta, mewakili 96% daripada penghutang dagangan Kumpulan yang berjumlah RM19.74 juta pada tahun kewangan 2021 (Nota 9, halaman 94, Laporan Tahunan 2021).</p> <p>a) Pelanggan manakah yang mempunyai penghutang dagangan yang lama tertunggak? Sila nyatakan profil mereka termasuk butiran seperti negara, jumlah yang perlu dibayar, tempoh tertunggak dan sebagainya.</p> <p>b) Apakah tindakan yang telah diambil untuk mengutip jumlah tersebut?</p> <p>c) Berapa peratuskah daripada rosot nilai ini dijangka tidak dapat dipulihkan?</p> <p>d) Berapakah jumlah penghutang dagangan yang dirosot nilai sudah dipulihkan setakat ini?</p>
Ucrest Bhd (AGM)	<p>Pada 6 September 2021, UCrest Technology Ltd, anak syarikat milik penuh Syarikat, telah menandatangani Perjanjian Perkhidmatan Induk dengan Syarikat Liabiliti Terhad "Human Vaccine" iaitu sebuah anak syarikat milik penuh Russia Direct Investment Fund ("RDIF") untuk mengeluarkan vaksin Sputnik V, susulan daripada memorandum persefahaman yang ditandatangani oleh Syarikat dan RDIF (Nota 32, halaman 141, Laporan Tahunan 2021).</p> <p>Bilakah jangkakan bermulanya pengeluaran vaksin Sputnik V? Sejauh manakah pengeluaran vaksin ini menyumbang kepada pendapatan Kumpulan untuk tahun kewangan berakhir 2022 dan seterusnya?</p>

PEMANTAUAN KORPORAT MSWG

Devanesan Evanson, Ketua Pegawai Eksekutif, (devanesan@mswg.org.my)

Linnert Hoo, Ketua, Penyelidikan & Pembangunan, (linnert.hoo@mswg.org.my)

Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat, (norhisam@mswg.org.my)

Lee Chee Meng, Pengurus, Pemantauan Korporat, (chee.meng@mswg.org.my)
Elaine Choo Yi Ling, Pengurus, Pemantauan Korporat, (elaine.choo@mswg.org.my)
Lim Cian Yai, Pengurus, Pemantauan Korporat, (cianyai@mswg.org.my)
Ranjit Singh, Pengurus, Pemantauan Korporat, (ranjit.singh@mswg.org.my)
Rita Foo, Pengurus, Pemantauan Korporat, (rita.foo@mswg.org.my)
Nor Khalidah Mohd Khalil, Eksekutif, Pemantauan Korporat, (khalidah@mswg.org.my)

PENDEDAHAN KEPENTINGAN

Berkenaan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memiliki jumlah saham minimum dalam semua syarikat yang diliputi dalam surat berita ini.

PENOLAKAN TUNTUTAN

Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholders Watch Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walaubagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.

MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika ianya diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini.